

Jangan mengalah lawan salah guna dadah



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

PENDEDAHAN laporan bahawa penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah yang semakin membimbangkan cukup merisaukan kita semua. Walaupun masalah dadah bukan isu baru di negara kita, namun laporan itu tetap mengejutkan apatah lagi membabitkan golongan pelajar sekolah.

Hakikatnya hampir semua kategori rakyat negara ini didapati terjebak dengan najis dadah namun apabila bahan terlarang itu mula merosakkan anak muda di negara ini terutamanya yang masih bersekolah, sudah semestinya kita perlu memandang serius isu tersebut kerana boleh menghancurkan masa depan negara kita secara keseluruhannya kelak.

Malah Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid juga menyatakan kebimbangan berkaitan isu dadah dalam kalangan pelajar sekolah yang kini pada tahap yang amat membimbangkan, apatah lagi dengan bekalan dadah yang mudah didapati berbanding dahulu.

Tidak seperti dadah dahulu iaitu ganja, heroin dan morfin, penjualan dadah sintetik sekarang boleh didapati dengan lebih mudah. Ini menyebabkan pihak berkuasa semakin sukar untuk mengawal dan membendung baik pengedaran mahupun penagihan dadah dalam kalangan masyarakat kita secara umumnya.

Masyarakat tidak seharusnya mengalah atau berputus asa dalam menangani gejala dadah di negara kita. Ini kerana pelajar sekolah adalah generasi pewaris negara. Mereka ini bakal memikul tanggungjawab untuk meneruskan legasi kecemerlangan negara kita. Justeru kita tidak boleh membiarkan golongan ini terjebak dan hanyut dengan najis dadah.

Untuk itu semua pihak terutama ibu bapa, pihak sekolah, badan bukan kerajaan dan masyarakat perlu berganding bahu dengan kerajaan bagi menyelamatkan golongan muda daripada dibelenggu dadah dengan segera.

Banyak faktor yang menyebab-



MASYARAKAT tidak seharusnya mengalah atau berputus asa dalam menangani gejala dadah di negara kita. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

kan golongan muda terjebak dengan penyalahgunaan dadah. Antaranya ingin cuba sesuatu yang baru, pengaruh dari rakan sebaya, kelicikan sindiket pengedaran dadah merekrut pelajar sekolah dan keluarga yang berpecah-belah.

Pada hemat saya, peranan ibu bapa dalam soal ini cukup penting. Sejauh mana mereka mengemudi dan mencorak keluarga, semua itu akan menentukan hala tuju anak-anak mereka. Misalnya, adakah kita sudah mendidik anak-anak kita sejak kecil lagi bahawa merokok itu boleh menjejaskan kesihatan dan dadah itu berbahaya?

Kebiasaannya masyarakat lebih menumpukan aspek pembetulan iaitu selepas sesuatu musibah melanda anak barulah mereka kalam kabut mahu membetulkannya. Perlu ingat, 'melen-tur buluh biarlah dari rebungunya'. Andai kita sering mengingatkan anak-anak sejak kecil tentang perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan, pasti nasihat itu akan terus melekat dalam sanubari mereka untuk selama-lamanya.

Persoalannya, berapa ramai dalam kalangan kita memantau mahupun mengenali rakan-rakan anak kita? Apakah selama ini kita peduli mereka bergaul dengan siapa ketika berada di luar rumah? Hakikatnya masalah ini boleh ditangani sekiranya ibu bapa dapat membuat 'saringan' dengan siapa anak mereka berkawan.

Umum juga maklum, anak-anak yang terlibat dengan dadah ini selalunya berasal daripada keluarga yang bermasalah. Pergolakan dalam keluarga menyebab-

kan mereka tertekan. Akibatnya mereka mudah terdorong untuk terjebak ke dalam kancang itu. Justeru institusi kekeluargaan negara perlu diperkukuhkan agar dapat berfungsi dengan berkesan. Kita tidak mahu ibu bapa hanya tahu melahirkan anak tetapi tidak mampu menunaikan tanggungjawab untuk membentuk mereka menjadi manusia yang berguna kelak.

Selain ibu bapa, pihak sekolah dan masyarakat juga perlu memainkan peranan yang sewajarnya dalam membanteras gejala najis dadah ini. Kebiasaannya pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah akan terlibat dengan pelbagai masalah disiplin seperti sering ponteng ke sekolah serta prestasi pelajaran jatuh merudum.

Justeru pihak sekolah perlu terus memantau pelajar-pelajar ini dan perlu bertindak dengan segera. Pihak sekolah perlu segera laporkan kepada ibu bapa masalah anak mereka ini agar ibu bapa dapat mengatasi masalah ini di samping dibantu dari segi perkhidmatan sesi kaunseling yang berterusan. Kita juga tidak mahu ada sekolah yang menyembunyikan dan merahsiakan masalah disiplin pelajar mereka kerana takut akan menjejaskan reputasi dan imej sekolah. Diharap pihak kementerian akan memantau isu ini secara serius.

Dalam pada itu, masyarakat umum juga perlu sedar betapa mereka juga ada peranan dan tanggungjawab dalam isu ini. Pokok pangkalnya dalam isu seperti ini tidak salah untuk kita menjaga tepi kain orang asalkan niat kita baik dan ingin memban-

tu.

Sekiranya masyarakat tahu atau pun nampak kelibat pelajar-pelajar sekolah terlibat dengan penyalahgunaan dadah, mereka perlu segera melaporkan kepada pihak yang berkaitan sama ada sekolah, ibu bapa ataupun pihak berkuasa.

Sikap kita yang tidak peduli dan tidak mahu mencampuri urusan orang lain dalam hal seperti ini jelas sekali boleh menghancurkan negara kita. Hal itu juga boleh mengundang dan menyumbang kepada pelbagai masalah sosial yang besar dalam masyarakat kita.

Masyarakat perlu sedar betapa dadah boleh memberi ancaman dan kesan besar kepada kehidupan kita semua. Misalnya mana mungkin kita lupa tindakan kejam dan zalim seorang remaja berusia 19 tahun dipercayai penagih dadah yang bertindak mengerat sehingga putus kaki kiri seorang warga emas di Pasir Mas kerana tidak diberikan wang. Apakah kita mahu biarkan insiden seperti ini terus berlaku di negara kita?

Akhirnya kita tetap terus meletakkan harapan yang tinggi kepada pihak berkuasa agar terus bertindak dengan agresif dan tegas dalam membanteras gejala najis dadah daripada terus menghancurkan masyarakat dan negara ini.

Sumber pengedaran perlu terus disekat dan dibanteras sepe-nuhnya. Sindiket yang terbabit pula perlu dibawa ke muka pengadilan dan dijatuhkan hukuman yang setimpal. Dalam konteks ini kita tetap memuji segala usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan selama ini oleh pelbagai agensi dan pihak berkuasa yang membawa kepada tangkapan demi tangkapan sindiket yang terbabit dengan pengedaran dadah.

Kita berharap dengan adanya gabungan bantuan dari semua pihak yang terbabit kita dapat membanteras penyalahgunaan dadah dalam kalangan rakyat kita terutamanya pelajar sekolah secara keseluruhannya. Sama-samalah kita memasang iltizam dan tekad untuk tidak membenarkan najis dadah ini menghancurkan rakyat dan negara kita. Katakan tidak kepada dadah!

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.